

28 JAN 1998

Hari Raya-Terbuka

RUMAH TERBUKA DR MAHATHIR HARI RAYA PERTAMA

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan rumah terbuka sempena Aidilfitri di kediaman rasminya, Sri Perdana di sini pada Hari Raya pertama.

Menurut pejabat Perdana Menteri, ia akan berlangsung antara 10 pagi dan 12 tengah hari dan mulai 3 hingga 6 petang.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pula akan mengadakan majlis rumah terbuka di Pusat Dagangan Dunia Putra selepas 2.30 petang.

Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah mengadakan majlis istana terbuka pada hari pertama Hari Raya Aidilfitri di Istana Bukit Kayangan di Shah Alam.

Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar pula mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya di Bukit Megawati, Jalan Permata 7/1, Shah Alam bermula 11 pagi, Hari Raya pertama.

Abu Hassan juga akan mengadakan satu lagi rumah terbuka di Dewan Umno Kuala Selangor pada 7 Feb.

Di NEGERI SEMBILAN, Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tunku Naquiyuddin dan Tunku Puan Muda Nurul Hayati akan mengadakan majlis Istana Terbuka di Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah, pada Hari Raya pertama.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad mengadakan majlis Rumah Terbuka di kediaman rasmi beliau di No.4, Jalan Tasek, Seremban pada Hari Raya pertama dari 10 pagi hingga 1 tengah hari.

Beliau juga akan mengadakan majlis yang sama di rumahnya di Kampung Baru Si Rusa, Port Dickson pada Hari Raya ketiga.

Di TERENGGANU, rumah terbuka Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad akan diadakan pada Hari Raya pertama di kediaman rasminya di Seri Iman dari 9 pagi hingga 4 petang.

Beliau akan mengadakan majlis yang sama di rumah di Kemaman pada Hari Raya ketiga dari pukul 9 pagi hingga 4 petang, khusus untuk penduduk kawasan Chukai.

Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Noor mengadakan rumah terbuka pada hari raya kedua di Kampung Air Tawar, Besut.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Haji Idris Jusoh akan mengadakan majlis yang sama pada Hari Raya kedua di Kampung Tok Ilas, Jertih manakala Timbalan Menteri Pertanian Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor mengadakan majlis itu di Kem Seri Bari, Merang, Setiu.

Di KELANTAN, majlis rumah terbuka Istana Negeri akan diadakan pada hari raya pertama sehingga pukul 10.30 pagi.

Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Kampung Pulau Melaka pada hari raya pertama mulai pukul 10 pagi hingga 6 petang manakala timbalannya, Abdul Halim Abdul Rahman mengadakan rumah terbuka di rumahnya di Jalan Pantai Cahaya Bulan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa dan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed mengadakan rumah terbuka di kediaman masing-masing di Seri Puri, Peringat dan Hadapan Kem 301, Batu 11, Jeli.

Di MELAKA, Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Syed Ahmad Shahabudin mengadakan majlis hari terbuka pada hari pertama Hari Raya Aidilfitri di Istana Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin pula berbuat demikian di kediaman rasmi, Seri Bendahara di Peringggit pada hari raya pertama manakala satu lagi di Merlimau pada hari raya ketiga.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Mohd Ali Rustam pula mengadakan rumah terbuka pada hari raya kedua di rumahnya di Bukit Katil.

Di PAHANG, Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob menganjurkan majlis itu di Dewan Konvensyen Negeri, Jalan Teluk Sisek pada hari raya pertama.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik pula mengadakan acara yang sama di kediamannya, Sri Banir, Jalan Bahagia di Temerloh pada hari raya kedua.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman pula mengadakannya di Kampung Selamat, Tanjung Api pada 1 Feb.

Jamuan Aidil Fitri kawasan Parlimen Pekan pula diadakan pada 8 Feb di Perkarangan Rumah Seri Kenangan Tun Razak, Peramu, Pekan yang turut disertai Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Di SARAWAK, rumah terbuka Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha akan diadakan di Tinggian Demak, Jalan Demak, Petra Jaya, Kuching, pada Hari Raya pertama dan kedua.

Di SABAH, Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai dan Toh Puan Hajah Siti Rukaiyah Panglima Abdullah akan mengadakan rumah terbuka pada hari raya pertama di Istana Negeri di sini.

Rumah terbuka itu diadakan dalam dua peringkat iaitu untuk orang kenamaan dari pukul 10 pagi hingga 11.30 pagi manakala untuk orang awam dari 11.30 pagi hingga 2 petang.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Sukam pula akan mengadakan rumah terbuka pada hari raya pertama di Kampung Likas, Kota Kinabalu, dari pukul 1.30 hingga 5 petang. -- BERNAMA

tm mai